

Debat Terbuka 2017 dapat sambutan



► Anjuran Kolej Kediaman Sri Angkasa UMS

Dari Kampus

UB 28.4.2017 B5
KOTA KINABALU: Kolej Kediaman Sri Angkasa Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan Debat Terbuka 2017 buat pertama kali berjaya mendapat sambutan yang menggalakkan.

Program itu dibuka untuk semua institusi, bukan sahaja Universiti Malaysia Sabah, malahan daripada institusi luar seperti SMESH (Sekolah Menengah Sains Sabah), UMS Labuan, UMS Sandakan dan Politeknik Kota Kinabalu.

Penyertaan mengikut kumpulan di mana setiap kumpulan mempunyai dua ahli dan pertandingan diadakan selama dua hari berturut iaitu pada 15 dan 16 April 2017 di Kolej Kediaman Sri Angkasa.

Menurut Naib Canselor, UMS, Prof Datuk Dr Harun Abdullah, debat itu adalah satu platform untuk pelajar meluahkan pendapat mereka tentang sesuatu isu yang berlaku dan mengasah bakat pelajar dari segi keyakinan dan komunikasi.

Gerak kerja awal yang dijalankan hampir sebulan sebelum program berlangsung, poster dan banner program disiapkan dan ditampal serta diwar-warkan di media sosial untuk mendapat penyertaan.

Debat ini dijalankan



“Debat itu adalah satu platform untuk pelajar meluahkan pendapat mereka tentang sesuatu isu yang berlaku dan mengasah bakat pelajar dari segi keyakinan dan komunikasi.”

PROF DATUK DR HARUN ABDULLAH
Naib Canselor, UMS

mengikut sidang. Setiap sidang terdiri daripada empat kumpulan yang bertanding.

Satu sidang mengambil masa sejam. Setelah itu, peserta akan berehat dan usul seterusnya akan diberikan dan mereka diberi masa selama 30 minit untuk bersiap sedia.

Setelah itu, sidang dua akan bermula. Pada satu-satu masa,

PESERTA bersama piala yang dimenangi. (Gambar atas dan bawah)



tiga sidang akan berlangsung secara serentak di lain-lain tempat.

Timbalan Naib Casnelor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof Madya Dr Ismail Ali berpesan kepada semua pelajar, untuk terus membuat aktiviti-aktiviti sebegini dan berusaha dengan lebih lagi

untuk membuat program yang berimpak tinggi selaras dengan saranan Kementerian Pendidikan Tinggi “Soaring Upwards”.

Pusingan akhir disaksikan dan dirasmikan oleh Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaysia Sabah, Ahmadi Nurdin.